

**LEMBAGA PERUMAHAN NEGERI PULAU PINANG****KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA**

Sebut Harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang **berdaftar** dengan CIDB dan PKK, memegang **Sijil Perakuan Pendaftaran, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** dan **Sijil Taraf Bumiputera** dalam kod bidang seperti dinyatakan di bawah yang masih sah tempohnya bagi menyertai sebut harga berikut :

NO. SEBUTHARGA	TAJUK	KOD BIDANG	TEMPOH PEMBUKAAN SEBUTHARGA	TARIKH TUTUP
LPNPP/32/2021	Kerja-Kerja Mengganti Tangki Air Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Rumah Pangsa Gat Lebuh Noordin, DTL	G2, Kategori B & ME, Pengkhususan B04 & M15	8 Julai 2021 hingga 22 Julai 2021	22 Julai 2021 12.00 Tengah Hari

- Syarikat adalah tidak diwajibkan menghadiri taklimat atau lawatan tapak. Sekiranya kontraktor hendak melawat sendiri kawasan atau tapak berkenaan, amalan penjarakan fizikal serta penggunaan *hand sanitizer* dan pemakaian *face mask* adalah **WAJIB** diamalkan serta mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang berkuatkuasa.
- Dokumen Sebut Harga boleh dimuat turun di Portal Rasmi Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) <https://erumah.penang.gov.my/> mulai 13 Julai 2021 (Selasa).
- Cadangan Tawaran yang lengkap berserta maklumat pengalaman dan sesalinan dokumen seperti senarai semak hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan Tajuk dan No. Sebut Harga di sebelah kiri atas sampul surat. Cadangan Tawaran tersebut perlu dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di **Kaunter Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang, Tingkat 3 KOMTAR sebelum jam 12.00 Tengahari pada 22 Julai 2021 (Khamis)** atau dihantar melalui pos berdaftar/kurier.
- Jika sebutharga dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, Petender hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat **Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang, Tingkat 20 (KOMTAR), 10503 Pulau Pinang** sebelum atau pada **22 Julai 2021 (Khamis)** selewat-lewatnya pada pukul **12.00 tengahari**. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.
- Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) tidak terikat untuk menerima Cadangan Tawaran terendah, tertinggi atau sebarang tawaran. Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) juga berhak untuk menerima, menolak atau membatalkan keseluruhan atau sebahagian daripada Cadangan Tawaran.
- Cadangan Tawaran yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dipertimbangkan.

Pengurus Besar
Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang